

LAPORAN HAK ASASI WANITA DI TURKISTAN TIMUR

EAST TURKISTAN HUMAN RIGHTS WATCH ASSOCIATION

2023



ETHR

DOĞU TÜRKİSTAN İNSAN HAKLARI İZLEMİ DERNEĞİ
خەلقئارا تۈركىستان ئىنسان ھەققلىرى كۈزەتكۈچى جەمئىيىتى
EAST TURKISTAN HUMAN RIGHTS WATCH ASSOCIATION
تۈركىستان ئىنسان ھەققلىرى نەزەرچىسى



ETHIR

DOĞU TÜRKİSTAN İNSAN HAKLARI İZLEME DERNEĞİ

شەرقىي تۈركىستان ئىنسان ھەقلىرى كۆزىتىش جەمئىيىتى

EAST TURKISTAN HUMAN RIGHTS WATCH ASSOCIATION

مرصد تركستان الشرقية لحقوق الإنسان

Ketua Editor
ABDULAHAD UDUN

Pengarah Penyelidik
SELİM VATANDAŞ

Disediakan Oleh
FEYZA PINAR YAŞAR

Diterjemahkan Oleh
NUR SAKINAH JANNATI BINTI RAHIMIN
AFFANDI

Reka Bentuk Muka Depan Dan Halaman
SELİN VATANDAŞ

Editor
FEYZA PINAR YAŞAR

Jurusemak Laporan
YUSUF TURSUN - MERYEM
MADTOKHTIYEVA

Editor Terjemahan
MOHAMMAD SYAFIQ ISMAIL

Cetakan
ETHR

The background of the page features a faded, high-angle photograph of several women wearing headscarves. A dark blue horizontal band is positioned across the upper portion of the image. The text is overlaid on a light blue, semi-transparent background that has a subtle, repeating pattern of the same women's faces and headscarves.

Pengenalan

6

Polisi Terkini China di Turkistan Timur

8

*Impak Polisi Parti Komunis China
(PKC) ke atas Wanita*

12

*Jenayah China Terhadap Wanita
di Turkistan Timur*

14

*Fungsi Dasar Penindasan terhadap
Wanita Turkistan Timur*

15

Asimilasi Agama dan Budaya

17

ISI KANDUNGAN

Perkahwinan Paksa dan "Integrasi Etnik" **18**

Pegawai China yang Ditugaskan di Rumah Tempatan Turkistan Timur **20**

Buruh Paksa **21**

Testimoni Saksi Kem di Turkistan Timur **23**

Dasar Populasi di Turkistan Timur **31**

Pemisahan Kanak-kanak daripada Ibu di Turkistan Timur **34**

Apakah Langkah yang boleh Diambil? **35**



Pengenalan

Dipaksa berkongsi ruang tidur yang sama bersama pegawai pemerintah Han China, pencabulan hak asasi dalam aspek perubatan melalui kaedah kawalan kelahiran secara paksa, keganasan seksual di tangan kakitangan keselamatan China, paksaan untuk berkahwin dengan kumpulan etnik yang lain, dan paksaan pelajar sekolah menengah untuk bekerja di kilang di dalam keadaan tidak berperikemanusiaan; hanyalah sebahagian daripada diskriminasi berbentuk perkauman yang seksis dan tidak berperikemanusiaan yang dikenakan oleh pihak berkuasa China ke atas wanita Turkistan Timur. Penganiayaan, penindasan dan genosid di Turkistan Timur telah dikaji secara meluas dari pelbagai perspektif undang-undang dan politik dalam masyarakat antarabangsa.

Walau bagaimanapun, antara aspek terpenting penindasan politik selama beberapa dekad di kawasan ini adalah berkait rapat dengan penderitaan yang dialami oleh golongan wanita Turkistan Timur. Wanita Turkistan Timur telah menjadi sasaran utama dasar asimilasi China oleh kerana identiti etnik Islam dan Turki mereka. Mereka juga telah menghadapi cabaran yang berbeza oleh kerana gender mereka. Kewujudan dan identiti mereka telah dijenayahkan dalam setiap aspek oleh rejim China, yang memaksa wanita Turkistan Timur untuk berjuang demi kehidupan yang lebih bermaruah dan bebas menganuti kepercayaan mereka. Tambahan kepada cabaran biasa yang datang dengan menjadi seorang wanita, wanita di Turkistan Timur juga harus menghadapi tekanan, penganiayaan, dan



pelanggaran hak asasi manusia. Cabaran kehidupan yang dihadapi oleh mereka adalah tersendiri dan memerlukan perhatian yang lebih khusus.

Tidak syak lagi, penindasan, penganiayaan, dan pencabulan hak asasi manusia yang dialami oleh wanita Turkistan Timur untuk mendapatkan hak kebebasan harus menjadi perhatian umum. **East Turkistan Human Rights Watch Association** telah menyediakan laporan ini bagi memberikan perhatian yang lebih khusus terhadap penderitaan wanita di Turkistan Timur, selain juga bagi membentangkan usaha masyarakat sivil yang



Wanita Turkistan Timur terlibat di dalam perjuangan yang telah mengorbankan nyawa mereka bagi menuntut kehidupan yang berperikemanusiaan, bebas serta selaras dengan kepercayaan mereka.

merupakan tanggungjawab kemanusiaan bagi menentang penindasan ini.

Penapisan dan sekatan media oleh rejim China telah menghalang akses telus kepada maklumat dari kawasan di Turkistan Timur. Ini menyebabkan hanya sebahagian kecil sahaja daripada pencabulan hak asasi manusia

yang berlaku dilaporkan. Akibatnya, masih tidak diketahui bilangan mangsa yang telah terjejas oleh pencabulan hak asasi manusia di Turkistan Timur. Walau bagaimanapun, maklumat terhad yang tersedia telah memberikan gambaran kepada kita mengenai pencabulan hak asasi manusia dan jenayah kemanusiaan yang berlaku di kawasan ini.



Polisi Terkini China di Turkistan Timur:

"Kempen Penghapusan Ekstremisme," yang dilancarkan oleh kerajaan Parti Komunis China (PKC) pada tahun 2014, telah membentuk rangka dasar kerja yang berfokuskan keselamatan PKC di Turkistan Timur. Kempen ini merangkumi beberapa siri langkah penindasan dan sekatan yang dilancarkan oleh kerajaan PKC dengan alasan "membanteharas keganasan dan mengekalkan

ketenteraman awam."¹ Melalui pelaksanaan rasmi kempen ini, pihak berkuasa PKC telah memaparkan wajah yang lebih keras terhadap kempen pencinaan (*sinicization*), integrasi dan asimilasi di Turkistan Timur dalam lipatan sejarah.

Di era baharu ini, langkah-langkah yang diambil telah meluaskan lagi penindasan, penahanan tanpa se-



bab oleh pihak berkuasa, asimilasi budaya dan pencabulan hak asasi manusia di Turkistan Timur melalui teknologi tinggi dan mekanisme pengawasan ketat oleh kerajaan China. Selain itu, bermula dari tahun 2017, kem tahanan telah ditubuhkan dan digunakan secara meluas di Turkistan Timur sebagai alat asimilasi baharu.²

Mekanisme pengawasan dan kawalan yang ketat telah mempergiatkan lagi penggunaan sistem pengawasan China di Turkistan Timur, menerusi pemantauan secara berterusan pada telefon, komputer, bahan

keagamaan, bahan-bahan nasionalistik (bagi Turkistan Timur) dan penggunaan bebas data peribadi sebagai bahan bukti salah laku.³

Konsep "pensekuritian" dalam bidang hubungan antarabangsa merujuk kepada sebuah proses di mana sebuah negara mengubah naratif isu politik dan kemasyarakatan dengan mengaitkannya kepada isu "keselamatan" bagi mewujudkan naratif nasional. Isu-isu yang sebelum ini tidak dianggap sebagai ancaman keselamatan serta tidak memerlukan langkah besar untuk ditangani boleh diubah dan diterangkan kepada khalayak sebagai satu ancaman yang serius kepada negara. Transformasi pendekatan China terhadap isu Turkistan Timur dan Uyghur telah memberikan contoh gambaran yang jelas kepada kita mengenai konsep "pensekuritian" ini. Isu berkait dengan Turkistan Timur dan Uyghur secara tiba-tiba telah diubah menjadi satu ancaman kepada keselamatan negara yang membawa kepada langkah pelaksanaan polisi kejam oleh kerajaan China.

Pencabulan hak asasi manusia di kawasan ini telah meningkat secara mendadak pada tahun 2017 dan telah mencecah had yang ti-

dak boleh diabaikan oleh masyarakat antarabangsa dan organisasi hak asasi manusia. Penghilangan secara mengejut orang Uyghur dan kumpulan etnik Islam yang lain yang tinggal di Turkistan Timur telah mendorong Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menjalankan siasatan. Setelah organisasi pemantau hak asasi manusia dan organisasi masyarakat sivil yang mengkaji berkenaan Turkistan Timur mula meningkatkan lebih banyak kempen kesedaran dan liputan berita, pencabulan hak asasi manusia di kawasan ini telah mula menerima perhatian dan pendedahan global.

Antara pencabulan kemanusiaan yang berlaku adalah jenayah seperti penahanan tanpa sebab oleh pihak berkuasa, pemenjaraan di kem tahanan untuk tujuan penyeksaan, asimilasi paksa, buruh paksa, keganasan seksual, pemandulan paksa, dan juga genosid. Kumpulan hak asasi manusia dan organisasi masyarakat sivil, bersama-sama dengan beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, Belgium, United Kingdom, Perancis, Belanda, Taiwan, Lithuania, Republik Czech dan Parlimen Eropah, telah mengiktiraf bahawa kejadian yang berlaku di Timur Turkistan harus dikategorikan sebagai jenayah kemanusiaan dan genosid.

Turkistan Timur merupakan wilayah yang mempunyai peluang komunikasi terhad kerana usaha China untuk menyembunyikan dasar penindasan asimilasi agama dan negara mereka.⁴ Walaupun terdapat pelbagai tapisan dan sekatan media oleh kerajaan Komunis China, kesedaran global dan agenda hak asasi manusia mengenai isu diskriminasi ini semakin meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Berdasarkan testimoni daripada mangsa yang terselamat dari kem konsentration, yakni warga Turkistan Timur yang telah berjaya melarikan diri dari wilayah tersebut, dan pendedahan laporan polis Xinjiang⁵ pada tahun 2022 telah memberikan bukti konkrit mengenai pencabulan hak asasi manusia yang berlaku. Perkembangan ini telah mendedahkan kekejaman yang berlaku di Turkistan Timur, walaupun rejim China cuba untuk menutup jenayah mereka.

Walaupun China telah menafikan sepenuhnya dakwaan tersebut, pendedahan dokumen kerajaan China telah memberikan bukti yang kukuh yang menjejaskan kredibiliti kepimpinan Parti Komunis China (PKC).⁶ Kerajaan China mendakwa bahawa langkah-langkah yang diambil hanyalah bagi memberikan golongan Turkistan Timur "pendidikan semula" dan menjauhkan mereka daripada ideologi pemisah bagi memerangi keganasan dan ekstre-

misme. Pada hakikatnya, program ini merupakan gerakan pencinaan rejim China dengan matlamat untuk menindas rakyat di Turkistan Timur.⁷

Namun, beberapa pendedahan daripada dokumen rasmi yang pada awalnya dinafikan⁸ oleh kerajaan China telah mendedahkan bahawa "pusat pendidikan semula" ini mempunyai fungsi yang sama seperti penjara dan kem tahanan. Hal ini bertentangan dengan dakwaan China yang mengatakan bahawa "pusat pendidikan semula" ini berfungsi untuk membasmi ideologi terorisme. Perkara ini telah menghancurkan naratif terdahulu kerajaan China dan mendedahkan fungsi sebenar fasiliti ini.⁹

"Kempen Penghapusan Ekstremisme," yang dilancarkan oleh kerajaan Parti Komunis China (PKC) pada tahun 2014, telah membentuk rangka dasar kerja yang berfokuskan keselamatan PKC di Turkistan Timur. Kempen ini merangkumi beberapa siri langkah penindasan dan sekatan yang dilancarkan oleh kerajaan PKC dengan alasan "membanteras keganasan dan mengekalkan ketenteraman awam."

Kerajaan China, khususnya sejak tahun 2014, telah menggambarkan isu Turkistan Timur sebagai satu permasalahan yang serius dengan membuat dakwaan bahawa golongan Uyghur dan minoriti lain yang tinggal di wilayah itu telah menjadi terlalu radikal dan ancaman "Terorisme Islam" telah meningkat. Ini menyebabkan mereka mula untuk membuat tuduhan jenayah ke atas masyarakat di Turkistan Timur berdasarkan identiti agama dan etnik mereka.¹⁰ Apa yang pernah dianggap sebagai "isu" politik dan ekonomi di Turkistan Timur digambarkan semula sebagai permasalahan keselamatan mendesak yang memerlukan campur tangan yang kuat, dipengaruhi oleh dasar sekuriti baharu China.

Memahami dasar transformasi China di Turkistan Timur adalah penting untuk kita memahami konteks sekuriti mereka. Di bawah kepimpinan Xi Jinping, "isu Uyghur" kini telah digambarkan sebagai perjuangan 'memerangi keganasan'. Selain itu, pengawasan ketat yang dikenakan ke atas rakyat di Turkistan Timur juga telah dijustifikasikan sebagai alat untuk memenangi "Peperangan ke atas Terorisme". Hasilnya, pendekatan yang telah diambil oleh kerajaan China terhadap golongan

Uyghur dan penduduk Islam di Turkistan Timur adalah bertumpukan polisi pemantauan secara berterusan, memastikan mereka berada di bawah kawalan ketat, menafi-

kan hak serta potensi mereka untuk menjadi individu bebas, mengkonstruksi semula mereka sebagai subjek dan melaksanakan dasar asimilasi paksa ke atas mereka.¹¹

Impak Polisi Parti Komunis China (PKC) ke atas Wanita

Di bawah dasar sekuriti dan pencegahan keganasan baharu kerajaan China, identiti unik dan kewujudan wanita Uyghur di Turkistan Timur telah diketepikan. Pengawasan secara berterusan, tindakan disiplin, dan pelbagai hukuman yang lain telah dikenakan ke atas wanita di Turkistan Timur bagi menutup suara mereka dan mengubah identiti mereka menjadi rakyat China yang taat. Kerajaan China, dalam rangka dasar ini, telah cuba untuk membina semula identiti wanita Uyghur untuk mewujudkan warganegara yang terlalu 'patuh' serta menyekat potensi mereka untuk melakukan sebarang aktivisme di dalam negara itu. Di dalam sebahagian daripada proses pendisiplinan ini, kerajaan China telah melaksanakan pencabulan ke atas hak asasi manusia dengan menindas kepercayaan, pemikiran dan kebebasan seksual golongan

wanita. Campur tangan berterusan kerajaan China di dalam kehidupan peribadi masyarakat Turkistan Timur merupakan satu pencabulan ke atas privasi dan ruang peribadi mereka. Perkara ini telah meningkatkan lagi kadar keganasan di dalam polisi sekuriti mereka dan mempelbagaikan lagi bentuk pencabulan hak asasi, yang berakhir dengan genosid. Oleh itu, transformasi dasar PKC dan pencabulan hak asasi manusia yang dilaksanakan oleh kerajaan China di wilayah Turkistan Timur memiliki hubungan yang berkait rapat.

Di dalam dekad lalu, wanita di Turkistan Timur telah dikenakan ancaman oleh kerajaan China jika mereka gagal untuk mematuhi dasar asimilasi dan norma-norma Cina. Kerajaan PKC telah menafikan kritikan bahawa wanita Turkistan Timur menghadapi sebarang bentuk keganasan, penindasan, pencabulan

hak asasi manusia dan hak wanita. Mereka mendakwa bahawa polisi ini hanya sebahagian daripada proses pendidikan bagi memerangi ideologi terorisme.

Namun, pada hakikatnya, pencabulan ke atas hak asasi wanita Uyghur telah berlaku. Mereka sedang ditahan di kem tahanan, dipisahkan daripada zuriat mereka, dinafikan hak untuk membuat sebarang keputusan yang berkait dengan tubuh badan mereka sendiri, terpaksa mendepani keganasan seksual; dan di samping itu kebebasan kepercayaan dan pemikiran mereka langsung tidak diendahkan. Kerajaan China, pada skala yang besar, telah menjenayahkan segala aspek kepada kewujudan dan kehidupan wanita di Turkistan Timur.

Dasar sekuriti kerajaan PKC telah membawa kepada penggunaan pelbagai mekanisme keganasan, yang telah mengakibatkan kematian dan layanan tidak berperikemusiaan terhadap golongan wanita di Turkistan Timur. Adalah jelas bahawa mekanisme penindasan yang dikenakan terhadap wanita di Turkistan Timur adalah bertumpukan kepada dasar asimilasi budaya, asimilasi agama, serangan terhadap autonomi tubuh wanita dan jenayah seksual. Perspektif ini adalah pen-

ting bagi kita memahami dasar asimilasi paksa yang sedang berlaku di kawasan ini.

Laporan ini adalah berdasarkan metodologi serta analisis sistematik ke atas kedua-dua sumber primer dan sekunder dalam rangka kerja kajian pencabulan hak asasi manusia. Pendekatan ini bertujuan untuk mengintegrasikan pelbagai jenis sumber untuk menjalankan analisis yang terperinci dan komprehensif.

Analisis kami adalah merangkumi sumber tidak rasmi yang telah disekat oleh kerajaan China, kenyataan rasmi, dokumen serta laporan yang telah dibocorkan, laporan pencabulan hak asasi manusia antarabangsa, keterangan serta kenyataan para wanita yang telah mengalami diskriminasi secara langsung.

Dalam skop kajian ini, sumber primer adalah termasuk testimoni peribadi individu yang telah mengalami secara langsung kejadian tersebut, khususnya para wanita yang telah menjadi mangsa kepada pencabulan hak asasi manusia. Testimoni ini adalah merangkumi kenyataan lisan serta bertulis mangsa, dalam menyampaikan pengalaman serta pemerhatian mereka. Kenyataan-kenyataan ini akan membantu kita untuk memahami fenomena tersebut dengan lebih mendalam.

Sumber sekunder terdiri daripada maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga yang tidak terlibat secara langsung dalam peristiwa tersebut, seperti pemerhati, penyelidik dan wartawan. Sumber ini merangkumi sumber tidak rasmi yang dibenarkan oleh kerajaan, kenyataan rasmi, dokumen atau laporan yang telah bocor serta sumber berita antarabangsa. Ia menawarkan perspektif yang lebih luas, yang membolehkan kami untuk memeriksa pelbagai aspek peristiwa dan pencabulan hak asasi manusia.

Metodologi ini adalah bertujuan untuk menyatukan kedua-dua sumber primer dan sekunder serta perspektif yang berbeza. Analisis ini akan memberikan gambaran yang lebih komprehensif mengenai pencabulan hak asasi manusia melalui sintesis dan penilaian yang sesuai bagi jenis sumber yang berbeza. Keputusan dan hasil laporan ini telah dibentuk melalui penilaian, analisis, dan tafsiran yang teliti terhadap data yang diperolehi daripada sumber-sumber yang berkaitan.

Jenayah China Terhadap Wanita di Turkistan Timur

Sejak awal tahun 2010-an, pelbagai pencabulan hak asasi manusia terhadap wanita Uyghur Turkistan Timur, telah didokumentasikan oleh pihak media dan organisasi masyarakat sivil. Perkara ini berlaku khususnya di ibu kota Urumqi dan merentasi pelbagai wilayah di Turkistan Timur. Pencabulan hak asasi ini merangkumi beberapa perkara seperti peningkatan sekatan agama yang dilaksanakan di ruang awam. Sekatan ini dijustifikasikan di atas alasan bagi "menentang ekstremisme Islam". Sejak beberapa dekad yang

lalu, Parti Komunis China (PKC) secara aktif telah melaksanakan pelbagai pencabulan hak asasi manusia yang telah menjejaskan kesemua aspek kehidupan wanita di Turkistan Timur. Jenayah ini boleh dikategorikan kepada lima bahagian di dalam skop hak asasi manusia:

a. Asimilasi Agama

- a.1. Larangan memakai pakaian agama seperti tudung dan hijab.
- a.2. Larangan wanita untuk memasuki masjid
- a.3. Larangan sebarang ritual amalan agama dan ibadah

a.4. Pengambilan alkohol secara paksa

b. Asimilasi Budaya

b.1. Larangan berkomunikasi di dalam bahasa ibunda

b.2. Larangan memakai pakaian tradisional

b.3. Sekatan tradisi kebangsaan

c. Penyeksaan

c.1. Pemeriksaan Fizikal Tanpa Pakaian

c.2. Pencukuran kepala secara paksa

c.3. Tekanan dan ancaman psikologi

c.4. Diskriminasi dan penghinaan

d. Keganasan Seksual

d.1. Pemandulan paksa, pengedaran alat kontraseptif

d.2. Pengguguran kandungan secara paksa

d.3. Keganasan seksual, rogol

d.4. Perkahwinan paksa

e. Pencabulan Hak Asasi Manusia

e.1. Buruh paksa

e.2. Penahanan oleh pihak berkuasa tanpa sebab

e.3. Kebuluran

e.4. Intervensi perubatan secara paksa

e.5. Paksaan menjadi bahan uji

e.6. Pencabulan hak untuk memiliki privasi

e.8. Pencabulan hak kanak-kanak dan hak untuk hidup berkeluarga

Fungsi-fungsi Dasar Penindasan terhadap Wanita Turkistan Timur

Kem-kem tahanan adalah salah satu struktur asas yang telah ditubuhkan oleh kerajaan China di bawah samaran "pendidikan semula" bagi melunturkan, membina komuniti yang taat serta mengkonstruksi semula identiti individu yang selari dengan propaganda Cina. Testimoni daripada mereka yang telah berjaya

melarikan diri dari kem ini jelas mendedahkan bahawa perkara ini adalah jauh berbeza daripada pusat latihan vokasional yang bertujuan untuk melakukan transformasi bertamadun seperti yang didakwa oleh kerajaan China; ia sebenarnya merupakan pusat untuk 'mencuci otak' (*brainwashing*). Ia berfungsi sebagai

pusat untuk mengawal individu melalui tekanan fizikal dan mental, tanpa meninggalkan sebarang ruang untuk mereka mempertahankan diri.

Pemutaran lagu kebangsaan secara berterusan, tayangan video, dan slogan secara berulang-ulang telah menyekat pemikiran rasional dan kritis, memadamkan autonomi individu, dan menghapuskan kemampuan mereka untuk membuat keputusan secara bebas. Mereka yang ditahan secara paksa di kem ini di Turkistan Timur secara sistematik berada di bawah tekanan untuk diubah menjadi 'produk' negara China. Sistem kawalan ini adalah merangkumi pengawasan secara berterusan yang akan memantau setiap tindak tanduk mereka, termasuk cara seorang individu duduk, berdiri, bahkan ke tahap memantau penggunaan tandas. Pemantauan ini dikukuhkan dengan melemahkan tubuh badan mereka di bawah kondisi yang teruk serta mengurangkan autonomi fizikal mereka.

Dasar kawalan dan indoktrinasi yang berterusan di kawasan ini berfungsi untuk mewujudkan pengawasan ideologi dan etnik yang berterusan di bawah sistem pengawasan berteknologi tinggi yang dikawal oleh pihak berkuasa Turkistan Timur. Sistem kawalan ini melangkaui sempadan Turkistan Timur untuk meman-

tau individu walaupun mereka telah meninggalkan wilayah tersebut. Pemantauan yang dilaksanakan melalui internet dan pelbagai rangkaian pengawasan ini menyebabkan wanita Turkistan Timur yang telah berjaya melarikan diri dari kem tahanan ini hidup dalam keadaan panik, tidak selamat, serta berada di bawah pengawasan berterusan.

Pemantauan rejim China ke atas keluarga wanita yang meninggalkan Turkistan Timur serta hukuman yang dikenakan ke atas mereka kadangkala mengakibatkan bebanan emosi dan moral yang besar terhadap wanita yang telah meninggalkan wilayah tersebut.

Hal ini, berserta dengan risiko keselamatan, telah menghalang mereka daripada berkomunikasi dengan saudara-mara dan rakan-rakan mereka yang tinggal di Turkistan Timur. Testimoni daripada ratusan masyarakat Turkistan Timur yang tinggal di pelbagai bahagian dunia telah mendedahkan bahawa kerajaan China telah mengancam dan memaksa diaspora Uyghur, termasuk individu yang dilantik oleh pihak kerajaan, untuk mengawal serta memaksa mereka untuk kembali ke wilayah itu, dan mengumpul maklumat mengenai warga Turkistan Timur yang menetap di luar negara.¹²

Asimilasi Agama dan Budaya

Propaganda kerajaan China untuk memaksa wanita Turkistan Timur menanggalkan tudung, hijab, dan niqab mereka telah menjadi dasar negara yang berterusan di bawah panji "memerangi kemunduran."¹³ Intervensi secara tidak langsung sebelum ini melalui propaganda dan galakan dalam pemakaian wanita Muslim di Turkistan Timur telah berubah menjadi campurtangan secara langsung di dalam dekad yang lalu. Sejak Ogos 2014, pemakaian tudung bagi wanita Islam di Turkistan Timur, serta memakai sebarang penutup kepala ketika menggunakan bas awam telah diharamkan.¹⁴ Dalam tempoh ini, pakaian Islam mula dikaitkan secara langsung dengan keganasan dan ekstremisme. Faktor asas di sebalik peningkatan tekanan ini ialah pendirian politik baharu yang dirangka oleh kerajaan China selaras dengan kempen Perang Global Melawan Terorisme yang memperolehi momentumnya di seluruh dunia selepas insiden 11 September.¹⁵

Rangka kerja politik baharu ini telah membawa kepada radikalisme langkah-langkah yang diambil oleh China sepanjang sejarah untuk mengasimilasikan komuniti Muslim Turk yang tinggal di Turkistan Timur. Pelbagai bentuk pakaian seperti burqa,

niqab, dan tudung, yang sebelum ini dilabel sebagai penanda "kemunduran," kini dipersembahkan sebagai simbol keganasan dan ekstremisme oleh pentadbiran PKC.

Sememangnya diketahui bahawa kerajaan China telah lama meningkatkan usaha untuk 'mentransformasi' wanita bertudung di Turkistan Timur. Ini adalah bertujuan untuk menjayakan proses asimilasi agama melalui pelbagai dasar sosial yang diterima pakai selama ini. Dalam rangka kerja ini, pelbagai alat media dan aparat kerajaan telah menghasilkan naratif "pemodenan" dan "integrasi," yang menggalakkan wanita Turkistan Timur untuk menanggalkan tudung mereka yang merupakan simbol kepada kepercayaan agama mereka. Pada tahun 2011, sebagai inisiatif multimedia oleh kerajaan China, "Projek Kecantikan" telah dilancarkan bersama pelbagai lagi program lain bagi "menggalakkan" wanita Turkistan Timur untuk meninggalkan pakaian agama dan kebangsaan mereka dan menyesuaikan diri dengan trend fesyen semasa.¹⁶

Pertunjukan fesyen awam telah dianjurkan oleh kerajaan di wilayah ini, bagi mempromosikan insentif sosial untuk wanita Turkistan Timur Islam

berubah menjadi “wanita yang hidup mengikut budaya moden.” Gaya pakaian dan trend fesyen telah dipaparkan kepada wanita sebagai simbol petunjuk kepada “modernisasi” dan “kepatuhan”.

Wanita di Turkistan Timur telah digalakkan untuk menjalani “transformasi” dengan membandingkan perubahan mereka sebelum dan selepas program ini.¹⁷ Ini merupakan salah satu percubaan rejim China untuk menindas serta mengawal kebebasan mereka, malah dalam aspek kebebasan dan pilihan subjektif pemakaian dan gaya hidup bagi tujuan asimilasi agama.

Di dalam sebahagian projek itu, wanita Turkistan Timur juga telah menerima galakan untuk menerokai kerjaya di dalam bidang kosmetologi. Ini adalah bertujuan untuk menjauhkan mereka daripada amalan agama mereka, serta menggalakkan mereka untuk mematuhi piawaian kecantikan, dan mengubah mereka menjadi wanita “moden” yang tidak memakai tudung tradisional. Matlamatnya adalah untuk membentuk wanita Turkistan Timur mengikut acuan ciri-ciri ideal yang telah ditetapkan oleh kerajaan PKC dan dengan berkesan mengasimilasikan mereka menjadi warganegara China yang ideal.¹⁸

Perkahwinan Paksa dan “Integrasi Etnik”

Salah satu impak paling ketara akibat perubahan dasar Parti Komunis China (PKC) di Turkistan Timur selepas tahun 2014 ke atas wanita dan gadis muda adalah perkahwinan di antara etnik yang dipaksa oleh kerajaan.¹⁹ Walaupun kerajaan China mendakwa bahawa perkahwinan di

antara etnik ini telah menggalakkan perpaduan etnik dan kestabilan sosial, data menunjukkan bahawa dasar perkahwinan paksa ini adalah hasil daripada dasar kependudukan yang sistematik yang dilaksanakan oleh kerajaan China untuk mengasimilasikan orang Uyghur.²⁰ Dasar ini

juga mendedahkan aspek pencabulan hak asasi manusia berasaskan jantina di Turkistan Timur.

Di bawah dasar sosial berskala besar yang digelar “Dasar Pasangan Keluarga”, individu Cina Han yang dipilih oleh kerajaan China akan berkahwin dengan wanita Muslim dari Turkistan Timur. Wanita Turkistan Timur telah dipaksa ke dalam perkahwinan ini sama ada melalui ancaman atau insentif kewangan kepada keluarga mereka atau diri mereka sendiri. Antara impak program ini adalah asimilasi penduduk Turkistan Timur, yang telah melemahkan pengaruh budaya kebangsaan dan agama mereka, dan adaptasi kepada identiti Cina secara paksa. Perkahwinan paksa yang terhasil daripada dasar ini berkemungkinan membawa kepada kesan seperti pemusnahan integriti budaya, kelemahan identiti kebangsaan, dan kehilangan bahasa dan budaya dalam kalangan generasi baharu masyarakat Turkistan Timur.

Di era yang digelar sebagai “Era Baharu” oleh Xi Jinping, kerajaan China telah menganjurkan forum-forum

dan menekankan keperluan untuk meningkatkan perkahwinan antara etnik di pelbagai wilayah yang mempunyai kepelbagaian etnik. Dasar ini dibentangkan sebagai usaha untuk meningkatkan “interaksi, pertukaran dan integrasi” antara etnik bertujuan untuk mengasimilasikan Turkistan Timur dengan memutuskan hubungan mereka daripada komuniti dan budaya tradisi mereka. Walaupun dasar ini dirangka sebagai usaha untuk meningkatkan integrasi dan perpaduan, pandangan holistik terhadap dasar Era Baharu kerajaan PKC telah mendedahkan bahawa ia adalah sebahagian daripada projek asimilasi dan pencinaan. Walaupun kerajaan China mendakwa bahawa dasar ini telah mengurangkan ketegangan antara etnik dan menggalakkan keharmonian dengan meningkatkan hubungan antara etnik; pada hakikatnya, dasar ini telah mewujudkan masyarakat bersuara tunggal dalam naratif “rakyat China yang bersatu,” tidak meninggalkan ruang untuk perbezaan etnik, budaya atau agama. Di bawah dasar ini, kerajaan China menawarkan insentif ekonomi dan sosial untuk menggalakkan perkahwinan antara etnik.²¹

Pegawai China yang Ditugaskan di Rumah Penduduk Turkistan Timur

Menurut *Human Rights Watch*, dasar “*Family Pair Up*” (Dasar Pasangan Keluarga) telah membawa kepada lawatan rasmi wajib oleh 100,000 pegawai China pada tahun 2016 ke rumah-rumah penduduk Turkistan Timur. Sehingga Disember 2017, jumlah ini telah meningkat kepada lebih sejuta pegawai.²² Program ini pada awalnya akan dijalankan pada setiap dua bulan, namun kini telah berkembang menjadi penginapan wajib selama seminggu atau lebih di dalam rumah orang awam Turkistan Timur. Tidak wujud sebarang bukti yang membolehkan golongan Uyghur untuk menentang dasar ini. Terdapat beberapa gambar yang telah dikongsi di media sosial sewaktu lawatan rasmi tersebut. Laporan ini telah membuktikan dasar China yang mencabul privasi golongan Uyghur dalam pelbagai cara, melalui penglibatan diri mereka secara paksa di dalam aktiviti domestik (dalam rumah). Keluarga Uyghur, terutamanya golongan wanita yang mempunyai pasangan di dalam kem tahanan, dipaksa untuk berkongsi makanan dan katil dengan “saudara” Cina mereka ini. Mereka juga dikehendaki untuk membesarkan

serta mendidik anak-anak mereka di bawah pengawasan pegawai Cina ini. Bentuk pencabulan daripada “saudara” Cina mereka ini bukan sahaja melanggar hak privasi tetapi juga menjejaskan kehidupan sulit peribadi mereka, dengan perkongsian gambar tanpa persetujuan.

Pelaksanaan dasar “Pasangan Keluarga”, adalah sejajar dengan objektif dasar tersebut yang bersifat mencerooboh keselamatan dan privasi keluarga, wanita dan kanak-kanak Uyghur. Polisi ini adalah merangkumi setiap aspek kehidupan, tanpa mengira faktor sosial, politik, atau ekonomi. Ia merupakan manifestasi yang ketara dari usaha asimilasi dan Pencinaan China. Dasar ini secara khusus telah menyasarkan wanita yang mempunyai pasangan yang ditahan di kem tahanan. Wanita Uyghur yang berhadapan dengan kemungkinan untuk menetap bersama pegawai China untuk tujuan pemantauan kadangkala terpaksa bercerai untuk mengelakkan situasi ini. Dalam kes lain, mereka dipaksa untuk berkahwin dengan pegawai China untuk mengelakkan pemantauan sedemikian.

Buruh Paksa

Wanita Uyghur, khususnya gadis muda, di Turkistan Timur juga telah dipaksa untuk menjadi buruh paksa oleh kerajaan Parti Komunis China (PKC). Rejim PKC menggunakan wanita yang dipenjarakan dalam sistem pengawasan dan kem tahanan sebagai tenaga kerja, dan gadis muda di wilayah ini telah dieksploitasi sebagai sumber buruh murah melalui paksaan.

Siasatan yang dijalankan pada tahun 2023 mendedahkan perjanjian tersembunyi untuk memaksa gadis sekolah menengah Uyghur bekerja sebagai buruh di kilang. Satu insiden yang dilaporkan oleh empat sumber tanpa nama, termasuk seorang ketua kampung dan seorang ketua keselamatan kilang, mendedahkan bahawa kira-kira 90 gadis sekolah menengah Uyghur telah dikurung di sebuah kilang tekstil yang dikenalpastikan oleh China, di mana mereka dipaksa bekerja 14 jam sehari, tujuh hari seminggu. Kondisi bekerja mereka adalah tidak berperikemanusiaan, dan dilaporkan bahawa gadis-gadis Uyghur ini sering mengalami penderaan fizikal dan lisan. Pihak berkuasa tempatan ditugaskan untuk menekan keluarga Uyghur untuk menghantar anak mereka bekerja di kilang.²³

Di Turkistan Timur, khususnya di Hotan, wanita dan kanak-kanak Uyghur dipaksa untuk melibatkan diri di dalam kerja-kerja buruh berat untuk menampung keluarga mereka setelah kaum lelaki keluarga mereka dipenjarakan. Menurut pegawai yang bekerja di balai polis Manglay di daerah Karakash, pihak berkuasa tempatan telah menghantar ramai wanita dan kanak-kanak ke bandar Aksu untuk terlibat di dalam tugas intensif buruh kerana ketiadaan buruh lelaki. Pegawai tersebut, yang memilih untuk tidak mendedahkan identiti beliau, telah mendedahkan bahawa terdapat banyak keluarga yang mempunyai anak kecil yang sedang bergelut dari segi kewangan. Ini adalah kerana, tenaga kerja lelaki mereka telah hilang sejak enam bulan lalu akibat ditahan di 'kem pendidikan semula'. Untuk menyelesaikan isu ini, kerajaan daerah negeri memastikan bahawa wanita dan kanak-kanak dibawa ke bandar Aksu bagi memetik kapas dan melakukan kerja-kerja lain yang diperlukan.

Kira-kira 280 individu dari daerah tersebut telah dihantar untuk bekerja dalam sektor pekerjaan ini, dan pekerjaan tersebut akan diselia oleh pemeriksa yang dilantik oleh pihak berkuasa daerah Karakash. Keengganan untuk melakukannya bo-


leh menyebabkan mereka dihantar semula ke 'kem pendidikan semula'. Menurut pegawai tersebut, kerja buruh ini, termasuk memetik kapas dan pelbagai tugas, telah dilaksanakan demi kepentingan keluarga tersebut sendiri berbanding menjadi sebahagian daripada 'inisiatif pendidikan semula'.²⁴

Namun begitu, adalah sukar untuk mereka membuktikan bahawa dasar buruh paksa ini telah memberi manfaat kepada wanita dan keluarga Uyghur, memandangkan sifat pekerjaan tersebut sendiri yang keras dan sukar dilakukan. Ini merupakan satu pencabulan kepada kebebasan, hak asasi manusia dan

maruah mereka. Gadis-gadis Uyghur yang dipaksa menjadi buruh paksa di kilang-kilang juga dihalang daripada meninggalkan premis kilang selepas waktu bekerja. Mereka diawasi dan didisiplin oleh "guru" yang dilantik oleh pihak berkuasa kampung dan pihak atasan kilang. Jika arahan tersebut tidak dipatuhi, dilaporkan kegunaan fizikal dengan kayu sebagai salah satu bentuk hukuman yang digunakan mereka. Gadis-gadis Uyghur ini bekerja di bawah ketakutan yang berterusan dan di dalam keadaan yang kejam; di samping juga kebebasan asas, hak asasi manusia, dan maruah peribadi mereka dicabul dengan teruk.

Testimoni Saksi Kem (*Camp witnesses*) di Turkistan Timur

Menurut data yang telah didokumentasikan, terdapat lebih tiga juta warga Turkistan Timur yang telah ditahan di kem tahanan Turkistan Timur sejak tahun 2017, dan masih terdapat berjuta-juta daripada mereka yang



kekal berada dalam tahanan. Dianggarkan satu perempuan daripada mereka yang ditahan secara paksa di kem ini merupakan wanita.

Terdapat pelbagai laporan yang telah dikeluarkan melalui usaha ramai wanita Turkistan Timur yang cuba menghebahkan berita kekejaman yang mereka alami di kem tahanan. Antara jenayah yang telah dilakukan oleh rejim China terhadap mereka di kem tahanan adalah tahanan tanpa sebab, pembuluran paksa, gangguan seksual, penyeksaan, prosedur perubatan secara paksa, indoktrinasi politik dan asimilasi. Metod yang berbeza telah digunakan secara sistematik untuk mengawal golongan wanita. Pencabulan hak asasi manusia yang dialami oleh wanita dan gadis Turkistan Timur adalah berbeza, dengan fokus yang lebih berat kepada keganasan seksual. Berdasarkan testimoni ramai wanita yang telah berjaya melarikan diri dari kem tahanan, rejim China telah melaksanakan pelbagai bentuk jenayah seksual, termasuk pelecehan seksual, penyeksaan, pengguguran paksa, gangguan seksual, dan rogol.

Wanita yang telah ditahan di kem tahanan ini melaporkan bahawa mereka telah ditahan tanpa sebarang penjelasan yang kukuh. Mereka hanya dimaklumkan bahawa mereka harus "bertemu dengan polis".²⁵

Mereka yang telah ditahan di kem pula tidak berpeluang untuk dibebaskan melainkan pihak berkuasa telah yakin bahawa mereka telah "diubah dan dididik semula". Kriteria untuk mencapai keputusan ini masih lagi belum diketahui.²⁶ Tambahan pula, mangsa tidak mempunyai sebarang hak untuk diwakili peguam bela sewaktu penahanan berlaku dan tidak berpeluang untuk membuat sebarang rayuan di atas keputusan tersebut.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan oleh *Amnesty International* dengan lebih 100 individu Turkistan Timur yang telah ditahan atau mempunyai ahli keluarga yang ditahan di kem tahanan telah mendedahkan bahawa penyeksaan merupakan isu yang berleluasa di dalam kem tahanan.²⁷ Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia PBB juga telah menyatakan kebimbangan di dalam laporannya, serta menyimpulkan bahawa terdapat bukti yang mencukupi mengenai pencabulan hak asasi manusia seperti penyeksaan dan intervensi perubatan paksa di kem-kem tersebut.²⁸

Berdasarkan keterangan daripada saksi kem tahanan, kondisi di kem tahanan ini adalah sangat buruk sehingga seseorang individu itu tidak dapat hidup dalam keadaan yang baik. Menurut laporan, makanan di

kem-kem tahanan ini adalah sangat teruk sehingga menyebabkan ramai tahanan telah jatuh sakit. Mereka telah dipaksa menggunakan ruang terbuka di dalam bilik tahanan mereka sebagai tandas, tahanan juga dipaksa untuk berkongsi ruang tidur yang sempit bersama 2-3 individu lain, dan kadangkala mereka tidak dibenarkan untuk tidur.²⁹

Saksi mendedahkan bahawa kebanyakan individu yang telah ditahan merupakan mereka yang pernah menunaikan haji, melancong ke luar negara, mempunyai ramai zuriat, dan wanita yang bertudung. Ini menggambarkan bagaimana rejim China menganggap amalan dan ritual agama dan sosial tertentu sebagai perkara yang tidak diingini dan ia digunakan untuk memprofilkan warga Turkistan Timur. Tursunay, salah seorang saksi kem, menyatakan bahawa sewaktu berada di kem, para tahanan sentiasa diberitahu bahawa mereka akan ditempatkan di penjara jika mereka solat dan berpuasa. Saksi juga telah berkongsi bahawa individu yang menyamar sebagai imam masjid di kem akan berdakwah kepada orang Turkistan Timur, menyeru mereka untuk tidak percaya kepada Tuhan, tidak memakai hijab, dan menyatakan bahawa hanya Xi Jinping dan Parti Komunis China (PKC) boleh menyelamatkan mereka.

Dilaporkan juga bahawa minda mereka akan sentiasa dirangsang untuk transformasi melalui nyanyian, slogan dan kaedah-kaedah lain. Wanita yang menentang penindasan, gangguan seksual dan keganasan seksual di kem diancam dengan pencederaan fizikal yang dikenakan oleh pihak polis. Saksi juga telah mendedahkan mengenai kewujudan "bilik hitam" di mana wanita Turkistan Timur akan dibawa ke bilik gelap tersebut jauh daripada tahanan lain. Di bilik tersebut, mereka dikenakan pelbagai jenis keganasan seksual, termasuk penyeksaan, gangguan seksual dan rogol.

Gülzire Oğulhan, salah seorang daripada wanita Turkistan Timur yang telah ditahan di kem pendidikan semula, telah ditahan pada tahun 2017 oleh seorang pegawai polis China yang mendakwa bahawa beliau perlu menerima pengajian "pendidikan semula" selama 15 hari. Bertentangan dengan apa yang dimaklumkan kepada beliau, Oğulhan telah ditahan selama 437 hari di pelbagai "pusat pendidikan semula" dan kilang-kilang. Sewaktu penahanannya, beliau dikenakan hukuman renjatan elektrik kerana beliau menghabiskan masa lebih dua minit di dalam tandas, tangannya digari kerana membenarkan wanita lain untuk mengambil wuduk dan beliau dipaksa untuk menjadi buruh pak-

sa dengan menjahit sarung tangan musim sejuk dengan harga satu sen setiap satu.³⁰

Walaupun kerajaan China mendakwa bahawa proses “pendidikan semula” hanya berlangsung selama dua minggu, kesaksian daripada ratusan warga Turkistan Timur telah mendedahkan bahawa mereka telah ditahan selama berbulan-bulan dan bahkan bertahun lamanya di pelbagai kem dan pusat-pusat ini. Di samping itu, mereka juga hidup di dalam kondisi yang mengerikan, diindoktrinasi, serta menerima keganasan fizikal dan psikologi.

Di kem-kem ini, ramai warga Turkistan Timur seperti Tursunay telah dipaksa untuk mengambil beberapa ubatan tanpa sebarang penjelasan, disuntik, dan amalan ini dilaksanakan tanpa sebarang penjelasan rasional atau penjelasan perubatan. Perkara ini secara sistematik telah melemahkan kondisi fizikal dan psikologi mereka serta mendedahkan mereka kepada pelbagai penyakit yang berpunca daripada kondisi kehidupan mereka yang buruk serta intervensi perubatan secara paksa. Mereka telah dijadikan tikus putih untuk kajian perubatan. Pihak berkuasa kem tahanan telah melaksanakan pelbagai perkara agar mangsa kehilangan rasa jati diri melalui

kondisi kehidupan mereka yang ekstrem serta dicuci dengan propaganda. Golongan wanita bukan sahaja berdepan penganiayaan dan tekanan, malah juga jenayah seksual. Mereka tidak diberikan makanan yang mencukupi, kekurangan tidur dan dijadikan bahan uji eksperimen perubatan. Jelas bahawa rejim China telah menggunakan elemen jenayah seksual dan keganasan berdasarkan gender terhadap mereka.

Diskriminasi berdasarkan jantina, keganasan seksual, rogol, pemandulan paksa, dan langkah kawalan kelahiran mandatori, merupakan sebahagian daripada bentuk keganasan yang dikenakan ke atas wanita Turkistan Timur di dalam program “Pendidikan Semula” kerajaan China.

Keganasan, penindasan, dan propaganda yang dikenakan ke atas wanita di kem ini telah menyebabkan ramai daripada mereka hilang kewarasan, jatuh sakit, tidak sedarkan diri, dan pengsan. Wanita yang dikenakan layanan sedemikian untuk tempoh yang lama telah dibiarakan untuk mati dan ramai akhirnya menyerah kerana tidak dapat menanggung seksaan yang dikenakan ke atas mereka. Tursunay Ziyavudun, salah seorang daripada mangsa kem tahanan China, telah

menceritakan bahawa kebanyakan daripada wanita yang ditahan tidak mampu untuk memikirkan perkara lain selain daripada menanggung kesakitan dan mengalas perut dengan makanan. Sebuah amalan yang dikenali sebagai “Bilik Hitam,” seperti yang dilaporkan melalui testimoni Tursunay dan ramai wanita lain, merupakan salah satu aspek paling kejam dalam kem tahanan. Tursunay telah melaporkan bahawa pada setiap malam, pegawai China akan melakukan serangan seksual terhadap wanita di Bilik Hitam ini. Dianggarkan beribu-ribu wanita dibawa ke sini tanpa sebarang penjelasan dan dikenakan pelbagai bentuk keganasan seksual. Kerana peristiwa ini berlaku secara tertutup, sejauh mana penyeksaan dan kekejaman yang berlaku masih tidak diketahui. Walau bagaimanapun, acara rogol berkumpulan, jenayah seksual yang menjatuhkan maruah dan berniat untuk mencederakan merupakan sebahagian daripada seksaan yang dikenakan ke atas Tursunay di dalam bilik hitam ini. Ia memberikan gambaran kepada kita sejauh mana penyeksaan yang berlaku di dalam bilik ini. Situasi ini membuktikan bahawa rejim China telah menggunakan jenayah seksual dan keganasan berdasarkan jantina bagi mengawal wanita Turkistan Timur dan mengubah mereka menjadi tubuh badan yang taat kepada negara.



Mihrigul Tursun merupakan seorang wanita Uyghur yang telah ditahan di kem tahanan sebanyak tiga kali di antara tahun 2015 hingga 2018. Bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai pengalaman wanita Uyghur di dalam kem tahanan, kami membentangkan kisah beliau di dalam kata-katanya sendiri:

“Pada 16 April 2017, seorang pegawai polis memanggil saya untuk ‘berbincang’ semula. Beliau menyatakan bahawa beliau akan bertanyakan beberapa soalan dan membawa saya ke Biro Keselamatan Awam Cheren. Mereka menahan saya di sebuah rumah selama tiga hari tiga malam tanpa memberi keizinan untuk saya tidur dan menjalankan sesi soal siasat secara berterusan. Antara soalan-soalan yang telah diajukan kepa-

da saya adalah, mengapa saya memilih untuk belajar bahasa Arab, mengapa saya tidak tinggal di China, bilangan individu yang saya kenali dalam kalangan masyarakat Uyghur dan Cina Han.

Saya menyatakan kepada mereka bahawa saya tidak melakukan apa-apa kesalahan terhadap China, bahawa saya hanya pergi ke luar negara untuk menyambung ijazah sarjana muda, dan saya berhasrat untuk pulang ke tanah air untuk bekerja selepas tamat pengajian. Mereka bertanya kepada saya mengapa saya bertudung. Saya menjelaskan bahawa ia adalah amalan budaya biasa di Mesir, bahawa saya tidak memakainya apabila saya pulang ke tanah air saya, dan saya memakainya kerana saya seorang Muslim.

Pegawai polis memukul saya dengan teruk; apabila saya tidak dapat menahan kesakitan dan pangsang, mereka akan menyimbah air ke muka saya dan terus memukul saya. Mereka berkata perkara-perkara yang tidak berperikemanusiaan kepada saya. Mereka memberitahu saya bahawa ibu dan anak-anak saya telah mati, dan

bapa saya telah dipenjarakan. Ternyata mereka berbohong.

Kemudian pegawai polis mencukur kepala saya dan membawa saya ke sebuah 'bilik gelap.' Mereka meletakkan peranti elektrik logam dengan wayar di atas kepala saya dan mengenakan kejutan elektrik ke seluruh badan saya. Saya fikir bahawa mereka akan membunuh saya. Saya dapat mendengar bunyi arus elektrik yang merentasi kepala saya apabila mereka menghidupkannya. Badan saya berada di dalam keadaan yang amat lemah. Saya merasakan renjatan elektrik di seluruh badan saya, dari urat hingga ke tulang. Apabila saya disiksa dengan renjatan elektrik seperti ini, saya memikirkan bahawa kematian adalah jauh lebih baik daripada mengalami perkara-perkara seperti ini. Saya tidak dapat menahan kesakitan dan berkata, 'Tolong bunuh saya.' Pegawai polis tersebut menjawab, 'Bukan semudah itu untuk kamu mati. Kamu akan memberitahu kami apa yang kamu lakukan di Mesir!' Saya berkata, 'Di Mesir, saya hanya mendapat pendidikan. Saya tidak melakukan apa-apa lagi. Saya tidak tahu berapa ramai

komuniti Uyghur di sana.' Pegawai polis melakukan renjatan elektrik sekali lagi. Saya menjerit 'Ya Allah!' dalam kesakitan. Mereka segera menghentikan renjatan elektrik dan berkata kepada saya, 'Adakah anda menyebut Allah? Di manakah Tuhanmu? Beritahu Dia untuk datang. Jika Dia lebih berkuasa daripadaku, Dia harus menyelamatkan kamu dari tanganku. Di manakah dia? Jika Dia boleh melindungi anda, mengapa anda berada di sini? Suruh Dia datang dan selamatkan kamu.' Kemudian saya pengsan kerana tidak dapat menanggung kesakitan."³¹



Gülbahar Jalilova adalah salah seorang wanita Turkistan Timur yang telah ditahan di kem tahanan selama

lebih setahun. Kami akan berkongsi pengalaman beliau dan wanita lain melalui kata-katanya sendiri.

"Pada 22 Mei, pihak polis telah membawa saya ke balai polis. Mereka mengambil telefon saya dan memeriksanya dari jam 8:00 pagi hingga 14:30 tengah hari. Apabila mereka mendapati tiada masalah dengan telefon saya, mereka membawa saya ke ruang bawah tanah untuk menjalankan sesi soal siasat. Soalan pertama mereka adalah, 'Anda pernah ke Turki, siapa yang anda jumpa di sana?' Saya menjawab, 'Saya warga Kazakhstan, saya belum pernah ke Turki.' Kemudian mereka meletakkan dokumen Cina di hadapan saya dan meminta saya untuk menandatangani. Saya enggan menandatangani dokumen tersebut dan mereka membawa saya ke Penjara No.3 pada jam 23:30. Apabila mereka membawa saya ke sana, terdapat kedua-dua lelaki dan perempuan. Mereka mengarahkan saya untuk menanggalkan pakaian di hadapan mereka dan memberikan saya sepasang baju kuning dan seluar sukan. Mereka memeriksa saya dengan teliti, mengambil air kencing dan darah saya, dan juga menjalankan ujian kehamilan.

Setelah itu saya mengetahui bahawa mereka akan memaksa wanita hamil untuk mengugurkan kandungan sebelum menghantar mereka ke penjara. Mereka mengambil gambar saya dari semua sudut. Saya dibawa ke Wad 704. Mereka membuka pintu dan menolak saya ke dalam bilik tersebut.

Terdapat cahaya yang sangat malap di dalam bilik tersebut yang sentiasa menyala. Terdapat 40 orang wanita di dalam bilik yang saya ditempatkan. 20 orang wanita sedang berdiri tegak seperti jarum. Pada ketika itu, mereka masih tidak mencukur kepala para wanita. Rambut mereka tumbuh panjang dan mereka kelihatan mengerikan. Lebih daripada separuh wanita yang ditempatkan di dalam bilik tersebut telah dirantai tangan dan kaki mereka dengan belunggu. Saya tidak tahu di mana saya ditempatkan. Saya berfikir, "Adakah ini bilik untuk orang gila? Saya menjerit dan menjerit. Seorang wanita di bilik tersebut berkata, "Jangan menangis, jika anda menangis, anda akan menghadapi hukuman yang berat." Saya ditempatkan di dalam bilik tanpa tingkap. Di dalam foto yang saya sedang pegang ini, terdapat

15 orang yang sedang berada di dalam bilik ini, namun pada hakikatnya bilik ini menempatkan lebih 40 orang. Tandas kami juga berada di dalam bilik yang sama. Kami semua terpaksa duduk menghadap tandas, dan tandas itu terbuka untuk dilihat oleh semua. Kami tidak mempunyai sebarang pilihan. Kondisi kehidupan kami adalah sangat tidak sihat. Saya telah kehilangan 20 kilogram. Di kemahanan, mereka tidak menyediakan apa-apa untuk digunakan oleh wanita semasa waktu haid. Kami tidur dengan perut kosong. Badan kami dipenuhi kudis. Setelah rambut kami dijangkiti kutu, mereka mencukur kepala kami.

Pada setiap sepuluh hari, pihak polis akan hadir. Mereka akan membogelkan kami, dan tiga pegawai polis lelaki akan berdiri di tepi pintu dengan senjata mereka. Pintu akan terbuka, dan kemudian sepuluh pegawai polis wanita akan masuk. Mereka akan mengarahkan kami untuk meletakkan tangan di atas kepala dan duduk. Mereka akan melakukan pemeriksaan untuk melihat sekiranya kami menulis atau menyembunyikan sesuatu. Mereka akan menyuruh kami untuk duduk dan berdiri tiga

kali dalam keadaan telanjang. Wanita yang baru sahaja bersalin akan dibawa dari hospital ke penjara pada hari mereka bersalin, manakala bayi mereka akan ditinggalkan di hospital. Payudara mereka telah menghasilkan susu, namun mereka tidak dapat memberikannya kepada bayi-bayi mereka. Para ibu tidak akan dapat mengetahui kondisi bayi mereka, bayi-bayi itu telah ditempatkan di hospital.

Setiap hari, kami dipaksa untuk mengucapkan terima kasih kepada Parti Komunis China. Mereka akan menyuruh kami menyanyikan lagu-lagu parti. Jika kami tidak menyanyikan lagu-lagu tersebut pada waktu pagi, mereka tidak akan memberikan kami sebarang makanan. Kami dipaksa untuk menyanyikan lagu yang sama pada waktu tengah hari dan petang. Pada setiap minggu, kami diarah untuk melihat gambar Xi Jinping selama 20 minit.

Kami diarah untuk menulis surat "pengakuan", yang menyatakan rasa terima kasih kami

kepada parti, dan memegang janji bahawa kami akan menjalani kehidupan yang lebih baik, memberikan pendidikan Cina kepada anak-anak kami, mengakui status tertinggi China di dunia, dan berjanji untuk tidak menghantar anak-anak kami ke sekolah Uyghur. Pada setiap minggu, mereka akan datang dan memberikan kami dua biji pil. Kami tidak dibenarkan untuk bertanya mengenai pil tersebut dan fungsinya.

Kami akan mengambil pil tersebut melalui tingkap kecil di pintu dan harus tunggu sehingga mereka pergi. Pada setiap sepuluh hari, mereka akan menyuntik dan mengeluarkan darah dari lengan kami. Kami tidak tahu apa-apa mengenai suntikan yang telah diberikan ke dalam tubuh kami. Setelah itu, kami menerima maklumat bahawa ubat-ubatan ini digunakan untuk menghalang kedatangan haid buat wanita di kem dan juga bagi menghilangkan rasa sakit dan lapar."

Dasar Populasi di Turkistan Timur

Kerajaan China telah melaksanakan pelbagai dasar pemindahan penduduk, pengendalian sosial (*social engineering*), dan dasar penjajahan di wilayah yang berada di bawah kawalannya. Majoriti daripada dasar ini adalah berfokuskan kepada polisi pencinaan. Menurut data yang dilaporkan oleh kerajaan China, demografi Cina Han di Turkistan Timur telah meningkat sebanyak dua kali ganda daripada 245,000 kepada 445,000, di antara tahun 2010 dan 2020. Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan mengenai taburan etnik penduduk di Turkistan Timur di antara tahun 1950-an hingga 2020 mendedahkan bahawa terdapat peningkatan sistematik dalam nisbah penduduk Cina Han dan penurunan dalam nisbah penduduk Uygur.³²

Dasar sosial dan penindasan Parti Komunis China (PKC) lebih jelas kelihatan di dalam dasar perubahan penduduk dan perancangan keluarga, yang telah dilaksanakan dengan matlamat untuk mengubah demografi dan kondisi sosial di Turkistan Timur.

Salah satu dasar perancangan keluarga yang telah dilaksanakan oleh kerajaan China kepada penduduknya sendiri adalah galakan perkahwinan lewat, kehamilan lewat dan dasar 'hanya satu anak' yang wajib ke atas setiap keluarga.

Walaupun dasar ini telah dilaksanakan sebagai strategi perancangan penduduk di seluruh China, dasar ini telah beransur-ansur dilonggarkan. Walau bagaimanapun, di Turkistan Timur, dasar ini masih dikuatkuasakan dengan lebih ketat. Pelan ini, yang telah menjadi dasar negara yang penting sejak tahun 1982, telah mengakibatkan bantutnya pertumbuhan golongan generasi muda di China.

Oleh itu, China telah melaksanakan perubahan pada dasar ini pada tahun 2018, yang menghapuskan sekatan 'satu anak' dan menggalakkan golongan Cina Han untuk mempunyai lebih ramai zuriat. Bagaimanapun, perubahan ini tidak dilaksanakan dengan cara yang sama di Turkistan Timur. Pada tahun-tahun yang sama, dasar satu anak di Turkistan Timur masih lagi

dikuatkuasakan dengan ketat, dan hukuman yang serius telah dikenakan bagi mereka yang telah melanggar dasar ini. Menurut beberapa saksi dari Turkistan Timur, kerajaan China telah menempatkan mereka yang mempunyai lebih dari seorang anak ke kem konsentrasi.


Walaupun dasar satu anak telah dilonggarkan dan digubal semula di seluruh China, kawalan dan hukuman yang lebih berat telah dikenakan terhadap hak untuk memiliki zuriat kepada golongan di Turkistan Timur. Perkara ini membuktikan bahawa kerajaan China telah mewujudkan mekanisme khas yang menindas golongan Uyghur. Dasar ini bukan sahaja ditumpukan kepada pelan demografi, tetapi juga bagi mempamerkan dominasi kawalan ke atas tubuh badan wanita Uyghur dalam usaha untuk mengurangkan populasi Uyghur.

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan oleh Adrian Zenz pada tahun 2019, dasar kawalan kelahiran China, aplikasi pemandulan paksa dan pemasangan peranti dalam rahim (IUD) telah dilaksanakan terhadap lebih 80% daripada populasi wanita Uyghur. Diramalkan bahawa dasar-dasar ini akan mengurangkan lebih satu pertiga daripada populasi di kawasan tersebut dalam tempoh 20 tahun.

Kerajaan China sedang melaksanakan dasar kawalan kelahiran wajib ini di bawah samaran dasar perancangan penduduk, namun ia sebenarnya merupakan satu bentuk genosid demografi.³³ Penahanan besar-besaran 3 juta rakyat Uyghur di wilayah tersebut dan penguatkuasaan ketat dasar kawalan kelahiran telah membuktikan bahawa dasar ini secara khusus menyasarkan penduduk Uyghur dan merupakan satu dasar diskriminasi etnik dan kaum. Statistik rasmi China menunjukkan penurunan 48% dalam kadar kelahiran di Turkistan Timur dari tahun 2017 hingga 2019. China telah berkali-kali menafikan bahawa mereka sedang melaksanakan dasar kawalan kelahiran yang menindas dan mendakwa bahawa mereka telah membolehkan setiap keluarga memiliki tidak lebih daripada 3 zuriat. Namun, berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada beberapa dokumen rasmi yang telah bocor, terdapat ramai wanita Uyghur yang telah ditahan dan dihukum kerana memiliki lebih daripada satu zuriat.³⁴ Berdasarkan laporan Adrian Zenz, data, testimoni mangsa dan dokumen rasmi kerajaan China telah mendedahkan bahawa wanita Uyghur telah dikenakan pemandulan paksa dan kuota kelahiran, walaupun dasar ini tidak dipamerkan sebagai dasar rasmi negara.³⁵ Kerajaan

an China telah mendakwa bahawa penurunan kadar kelahiran di Turkistan Timur adalah selari dengan peningkatan pendapatan dan pembangunan perancangan keluarga. Bagaimanapun, menurut pelbagai sumber bebas, mereka yang mempunyai ramai zuriat akan ditahan dan dipantau oleh kerajaan China.³⁶

Tambahan lagi, wanita Uyghur juga adalah tertakluk kepada pemeriksaan kehamilan secara berkala oleh pihak kerajaan. Oleh itu, jelas bahawa penurunan populasi secara drastik di Turkistan Timur adalah berpunca daripada kerajaan China dalam usaha mereka untuk melaksanakan genosid demografi.



Pemisahan Kanak-kanak daripada Ibu di Turkistan Timur

Sejak tahun 1986, Dasar Perancangan Keluarga China, yang juga dikenali sebagai Dasar Satu Anak, bukan sahaja telah menafikan hak wanita Uyghur di Turkistan Timur untuk mempunyai anak tetapi juga telah melanggar hak penjagaan mereka dengan memisahkan para ibu Uyghur daripada anak mereka melalui implementasi dasar buruh paksa dan pelaksana-

naan kem tahanan.³⁷ Beratus-ratus kanak-kanak Uyghur telah “hilang” dan secara sistematik telah dipisahkan daripada keluarga dan ibu mereka dan ditempatkan di institusi yang dikendalikan kerajaan sebagai sebahagian daripada Dasar Perancangan Keluarga. Dasar ini menyebabkan kanak-kanak Uyghur telah membesar tanpa sebarang ikatan kekeluargaan,

terasing sepenuhnya daripada ibu bapa mereka dan dinafikan hak mereka untuk membesar dalam persekitaran yang baik untuk tumbesaran mereka.

Salah satu akibat kejam daripada dasar penganiayaan yang dikenakan oleh kerajaan China di Turkistan Timur adalah pengasingan secara paksa kanak-kanak daripada ibu bapa mereka, yang ditahan di kem tahanan. Anak-anak ini telah ditempatkan di bawah jagaan negara di pusat-pusat anak yatim. Pelaksanaan dasar ini telah menyebabkan pertumbuhan generasi baharu Uyghur yang asing daripada bahasa ibunda, kepercayaan dan budaya mereka sendiri, yang telah didoktrinkan sepenuhnya oleh negara China. Kanak-kanak ini membesar tanpa ibu bapa, tanpa mengetahui budaya mereka sendiri, dan tanpa memahami identiti mereka, akhirnya diasimilasikan ke dalam budaya Cina. Keadaan ini jelas melanggar hak kanak-kanak dan merupakan satu pencabulan kepada nilai kehidupan berkeluarga.

Munurut Gulbahar Jalilova, salah seorang daripada mangsa dan saksi kem tahanan China, wanita yang berkongsi lokap dengan beliau dibawa terus ke kem tahanan setelah selesai melahirkan anak. Akan tetapi, zuriatnya telah dipisahkan daripadanya dan ditinggalkan di hospital.³⁸ Pemisahan ini berlaku sewaktu tempoh kritikal dalam perkembangan bayi dan ber-

laku pada saat kehadiran ibu adalah sangat penting untuk kesejahteraan psikologi dan fizikal bayi tersebut. Perkara ini boleh memudaratkan pertumbuhan sihat anak-anak Uyghur.

Tambahan lagi, dalam pelaksanaan Dasar Perancangan Keluarga, pasukan Pejabat Perancang Penduduk telah dilaporkan merampas bayi yang baru lahir daripada keluarga Uyghur apabila mereka telah mencecah had zuriat yang dibenarkan oleh kerajaan China. Tindakan ini jelas melanggar hak asasi manusia dan prinsip kehidupan berkeluarga.³⁹

Kanak-kanak Uyghur yang telah dipisahkan daripada keluarga mereka dan ditempatkan di rumah anak yatim kerajaan sebagai sebahagian daripada dasar China, telah membesar sebagai anak yatim, tanpa persekitaran keluarga yang sebenar, di dalam polisi genosid kerajaan China. Mereka dibesarkan jauh daripada ibu bapa mereka dan tanpa dapat mendalami perasaan kekitaan dalam masyarakat, agama dan kebangsaan mereka. Identiti etnik dan agama mereka dipadam dan mereka dibesarkan untuk mematuhi kerajaan China dan ideologinya. Usaha perubahan sosial yang dijalankan adalah selaras dengan dasar perancangan keluarga dan dasar kawalan penduduk, dengan matlamat untuk menghasilkan generasi muda baharu Uyghur yang mematuhi kerajaan China.

Rumah anak yatim dan sekolah bersekolah penuh yang dibina oleh kerajaan China ini telah jelas melanggar Konvensyen Hak Kanak-kanak dan Hak Penjaga. Di samping itu, ia juga telah mendedahkan anak-anak ini kepada layanan berbentuk diskriminasi

yang bertentangan dengan kepercayaan dan identiti mereka. Institusi ini telah mengakibatkan kerosakan psikologi yang tidak dapat dipulihkan kepada anak-anak Uyghur yang telah dipisahkan secara paksa daripada keluarga mereka.⁴⁰

Apakah langkah-langkah yang boleh diambil?

Berdasarkan bukti konkrit dan beribu-ribu testimoni yang telah membuktikan pencabulan hak asasi manusia dan amalan tidak berperikemanusiaan mereka, kerajaan China harus mengingati semula komitmennya untuk memelihara kebebasan dan hak asasi manusia. Bagi mengelakkan pencabulan hak asasi manusia yang berterusan dan mempertanggungjawabkan mereka yang telah melanggar hak asasi tersebut, masyarakat antarabangsa harus bersatu dan menyeru kerajaan China untuk bertanggungjawab ke atas tindak laku mereka. Organisasi dan institusi yang menjunjung hak asasi manusia sebagai nilai teras, seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan lain-lain, harus secara kolektif mengambil pendirian yang kuat terhadap genosid yang berterusan di Turkistan Timur.

China, yang cuba menyembunyikan suara peribadi golongan Uyghur melalui sekatan komunikasi, dan menyekat kebebasan bersuara melalui taktik penindasan, penapisan, dan pema-daman, harus membuka pintunya kepada organisasi pemantau hak asasi manusia yang saksama dan memberikan ketelusan penuh tentang apa yang berlaku di Turkistan Timur.

Rangkaian perpaduan wanita khas harus diwujudkan bagi menentang kerajaan China, yang telah menafikan subjektiviti dan kewujudan wanita Uyghur, serta menyekat potensi mereka untuk menjadi individu bebas dengan mengenakan dasar-dasarnya. Organisasi wanita di seluruh dunia harus bersatu sebagai satu suara untuk menentang penindasan ini. Untuk mencapai matlamat ini, tindakan berikut harus diambil:

- Penindasan yang dihadapi oleh wanita Uyghur di Turkistan Timur harus diketengahkan ke dalam agenda antarabangsa.
- Kesemua pertubuhan wanita harus bersatu menentang dasar yang dikenakan oleh kerajaan China ke atas tubuh badan fizikal wanita Uyghur, dan menuntut akauntabiliti serta pertanggungjawaban daripada kerajaan China.
- Entiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Kesaksamaan Gender dan Pemerkasaan Wanita (*Wanita-PBB/UN-Women*) harus bekerjasama dengan anggota masyarakat sivil untuk mengambil pendirian bersama menentang dasar penindasan kerajaan China ke atas wanita Uyghur.
- Sekatan harus dikenakan ke atas kerajaan China untuk menjamin penambahbaikan dalam penjagaan hak asasi wanita.
- Langkah-langkah perlu diambil untuk mendedahkan pencabulan hak

asasi manusia terhadap wanita Uyghur seperti buruh paksa, pemandulan paksa, perkahwinan antara etnik secara paksa, rogol, keganasan seksual, diskriminasi, dan penindasan untuk melindungi wanita Uyghur.

- Kanak-kanak Uyghur yang dipisahkan secara paksa daripada ibu mereka dan ditempatkan di rumah anak yatim dan sekolah berasrama yang ditetapkan oleh negeri harus disatukan semula dengan ibu mereka. Usaha bersama antarabangsa harus dimulakan untuk mewujudkan pangkalan data yang di mana ibu yang terpaksa meninggalkan tanah air mereka kerana penindasan dan penganiayaan boleh menjejak semula anak mereka. Negara-negara berorientasikan hak asasi manusia dan organisasi masyarakat sivil harus bekerjasama bagi menuntut kerajaan China untuk menyatukan semula keluarga yang telah dipisah-pisahkan ini.

Bibliografi

- ¹ "China Steps Up & 'Strike Hard' Campaign in Xinjiang," Radio Free Asia, 1 September, 2014, <https://www.rfa.org/english/news/uyghur/strike-hard-01092014172927.html>.
- ² United Nations High Commissioner for Refugees, "Refworld | China Runs Region-Wide Re-Education Camps in Xinjiang for Uyghurs and Other Muslims," Refworld, accessed August 23, 2023, <https://www.refworld.org/docid/5a9427664.html>; "Up to One Million Detained in China's Mass 'Re-Education' Drive," Amnesty International, September 24, 2018, <https://www.amnesty.org/en/latest/news/2018/09/china-up-to-one-million-detained/>; Ben Westcott Xiong Yong, "China Legalizes Xinjiang 're-Education Camps' after Denying They Exist," CNN, October 10, 2018, <https://www.cnn.com/2018/10/10/asia/xinjiang-china-reeducation-camps-intl/index.html>.
- ³ Paul Mozur, "One Month, 500,000 Face Scans: How China Is Using A.I. to Profile a Minority," The New York Times, April 14, 2019, sec. Technology, <https://www.nytimes.com/2019/04/14/technology/china-surveillanceartificial-intelligence-racial-profiling.html>.
- ⁴ Qiuqing Tai, "China's Media Censorship: A Dynamic and Diversified Regime," *Journal of East Asian Studies* 14, no. 2 (August 2014): 185-209.
- ⁵ Adrian Zenz, "The Xinjiang Police Files" (Victims of Communism Memorial Foundation, May 24, 2022), <https://www.xinjiangpolice-files.org/>.
- ⁶ Stephanie Nebehay, "China Rejects Genocide Charge in Xinjiang, Says Door Open to U.N.," Reuters, February 22, 2021, sec. APAC, <https://www.reuters.com/article/us-china-rights-idUSKBN2AM1UX>.
- ⁷ Adrian Zenz, "'End the Dominance of the Uyghur Ethnic Group': An Analysis of Beijing's Population Optimization Strategy in Southern Xinjiang," *Central Asian Survey* 40, no. 3 (June 8, 2021): 291-312, <https://doi.org/10.1080/02634937.2021.1946483>.
- ⁸ Xiong, "China Legalizes Xinjiang 're-Education Camps' after Denying They Exist."
- ⁹ "Up to One Million Detained in China's Mass 'Re-Education' Drive."
- ¹⁰ "Major Events Preceding the Construction of Re-Education Camps" (The University of British Columbia, 2020), <https://xinjiang.sppga.ubc.ca/timelines/reeducation-camps/>.
- ¹¹ Sean R. Roberts, "The Biopolitics of China's 'War on Terror' and the Exclusion of the Uyghurs," *Critical Asian Studies* 50, no. 2 (June 12, 2017): 232-58, <https://doi.org/10.1080/14672715.2018.1454111>.
- ¹² "Çin, Türkiye'de yaşayan Uygur Türklerini nasıl tehdit ediyor?," QHA - Kırım Haber Ajansı, August 14, 2023, <https://www.qha.com.tr/ozel-haber-roportaj/cin-turkiye-de-yasayan-uygur-turklerini-nasil-tehdit-ediyor-476801>.
- ¹³ "The Report on Human Rights Violations by China against Women in East Turkistan" (Doğu Türkistan İnsan Hakları İzleme Derneği, March 4, 2022), <https://www.ethrw.org/the-report-on-human-rights-violations-by-china-against-women-in-east-turkistan/>.
- ¹⁴ "Chinese City Bans Islamic Beards, Headwear and Clothing on Buses," The Guardian, August 6, 2014, sec. World news, <https://www.theguardian.com/world/2014/aug/06/chinese-city-bans-islamic-beards-headwear-and-clothing-on-buses>.

- ¹⁵ Chien-peng Chung, "China's 'War on Terror': September 11 and Uighur Separatism," *Foreign Affairs* 81, no. 4 (2002): 8–12, <https://doi.org/10.2307/20033235>.
- ¹⁶ Yasmin Khatun Dewan, "How China Is Using Fashion to Erase Uighur Identity," *Middle East Eye*, December 17, 1997, <https://www.middleeasteye.net/opinion/how-china-working-erase-uighur-identity>.
- ¹⁷ Catherine A. Traywick, "Chinese Officials Ask Muslim Women to Unveil in the Name of Beauty," *Foreign Policy*, November 26, 2013, <https://foreignpolicy.com/2013/11/26/chinese-officials-ask-muslim-women-tounveil-in-the-name-of-beauty/>.
- ¹⁸ Timothy Grose, "Beautifying Uyghur Bodies: Fashion, 'Modernity,' and State Discipline in the Tarim Basin," *Monde chinois* 63, no. 3 (2020): 12–29, <https://doi.org/10.3917/mochi.063.0012>.
- ¹⁹ Edward Wong, "To Temper Unrest in Western China, Officials Offer Money for Inter-marriage," *The New York Times*, September 2, 2014, sec. World, <https://www.nytimes.com/2014/09/03/world/asia/to-temper-unrestchina-pushes-interethnic-marriage-between-han-and-minorities.html>.
- ²⁰ Andréa J. Worden et al., "Forced Marriage of Uyghur Women: State Policies for Interethnic Marriages in East Turkistan" (Uyghur Human Rights Watch, November 16, 2022), <https://uhrp.org/report/forced-marriage-ofuyghur-women/>.
- ²¹ James Leibold, "Xinjiang Work Forum Marks New Policy of 'Ethnic Mingling,'" *China Brief - The Jamestown Foundation* 14, no. 12 (June 19, 2014), <https://jamestown.org/program/xinjiang-work-forum-marks-newpolicy-of-ethnic-mingling/>.
- ²² Beth Van Schaack and Maya Wang, "'Break Their Lineage, Break Their Roots': China's Crimes against Humanity Targeting Uyghurs and Other Turkic Muslims," April 19, 2021, <https://www.hrw.org/report/2021/04/19/break-their-lineage-break-their-roots/chinas-crimes-againsthumanity-targeting>
- ²³ "Facing Abuse, Teenage Uyghur Girls Are Forced to Work in a Xinjiang Garment Factory," *Radio Free Asia*, July 15, 2023, <https://www.rfa.org/english/news/uyghur/uyghur-forced-labor-factory-07142023151509.html>.
- ²⁴ United Nations High Commissioner for Refugees, "Refworld | China: Uyghur Women and Children Endure Heavy Labor amid Detentions in Xinjiang's Hotan," *Refworld*, accessed August 15, 2023, <https://www.refworld.org/docid/5a9427b4a.html>.
- ²⁵ Tanner Greer, "48 Ways to Get Sent to a Chinese Concentration Camp," *Foreign Policy*, September 13, 2018, <https://foreignpolicy.com/2018/09/13/48-ways-to-get-sent-to-a-chinese-concentration-camp/>.
- ²⁶ "Doğu Türkistan'da Çin Toplama Kampları Raporu" (Doğu Türkistan İnsan Hakları İzleme Derneği, February 25, 2022), <https://www.ethrw.org/dogu-turkistanda-cin-toplama-kamplari-raporu/>.
- ²⁷ Vanderklippe Nathan, "'I Felt like a Slave:' Inside China's Complex System of Incarceration and Control of Minorities," *The Globe and Mail*, March 31, 2019, <https://www.theglobeandmail.com/world/article-i-felt-like-a-slave-inside-chinas-complex-system-of-incarceration/>; "Up to One Million Detained in China's Mass 'Re- Education' Drive."
- ²⁸ "OHCHR Assessment of Human Rights Concerns in the Xinjiang Uyghur Autonomous Region, People's Republic of China," *Country Report* (Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights, August 31, 2022), <https://www.ohchr.org/en/documents/country-reports/ohchr-assessment-human-rights-concernsxinjiang-uyghur-autonomous-region>.

- ²⁹ "410. Koğuşun Hikayesi" (Doğu Türkistan İnsan Hakları İzleme Derneği, March 6, 2021), <https://www.ethrw.org/410-kogusun-hikayesi/>.
- ³⁰ Nathan, "'I Felt like a Slave:' Inside China's Complex System of Incarceration and Control of Minorities."
- ³¹ "410. Koğuşun Hikayesi."
- ³² "Xinjiang Population Dynamics and Data," Government Document, September 2021, https://english.www.gov.cn/archive/whitepaper/202109/26/content_WS-615016cfc6d0df57f98e0e16.html.
- ³³ Adrian Zenz, "Sterilizations, IUDs, and Mandatory Birth Control: The CCP's Campaign to Suppress Uyghur Birthrates in Xinjiang" (The Jamestown Foundations, June 2020), <https://jamestown.org/product/sterilization-iuds-and-mandatory-birth-control-the-ccps-campaign-to-suppress-uyghur-birth-rates-in-xinjiang/>.
- ³⁴ Nikhil Pandey, "As Chinese Couples Get Approval for 3 Kids, Uighur Women Still Subjected to Birth Control Horrors," WION, February 6, 2022, <https://www.wionews.com/world/as-chinese-couples-get-approval-for-3-kids-uyghur-women-still-subjected-to-birth-control-horrors-388898>; "China Forcing Birth Control on Uighurs to Suppress Population, Report Says," BBC News, June 29, 2020, sec. China, <https://www.bbc.com/news/worldasia-china-53220713>; "Four Uyghur Women Forced to Abort Their Babies in Xinjiang," Radio Free Asia, December 30, 2013, <https://www.rfa.org/english/news/uyghur/abortion-12302013050902.html>.
- ³⁵ Zenz, "'End the Dominance of the Uyghur Ethnic Group.'"
- ³⁶ Greer, "48 Ways to Get Sent to a Chinese Concentration Camp."
- ³⁷ "The Report on Human Rights Violations by China against Women in East Turkistan."
- ³⁸ "704. Koğuşun Hikayesi" (Doğu Türkistan İnsan Hakları İzleme Derneği, May 24, 2021), <https://www.ethrw.org/704-kogusun-hikayesi/>.
- ³⁹ "The Report on Human Rights Violations by China against Women in East Turkistan."
- ⁴⁰ Rushan Abbas, "The Uyghur Genocide through the Lens of the Child," Georgetown Journal of International Affairs, August 17, 2021, <https://gjia.georgetown.edu/2021/08/17/the-uyghur-genocide-through-the-lens-of-the-child/>.





ETHRW

DOĞU TÜRKİSTAN İNSAN HAKLARI İZLEME DERNEĞİ

شەرقىي تۈركىستان ئىنسان ھەقلىرى كۆزىتىش جەمئىيىتى

EAST TURKISTAN HUMAN RIGHTS WATCH ASSOCIATION

مرصد تركستان الشرقية لحقوق الإنسان



📍 Karagümrük Mah. Sarmaşık Sokak.No: 43/1. Fatih / İstanbul

☎ (0212) 524 69 99